



BAB
XI

**BAYARAN PENSYARAH AKADEMIK
SAMBILAN**

“Orang yang menginginkan impiannya menjadi kenyataan,
harus menjaga diri agar tidak tertidur.”

Richard Wheeler

BAYARAN PENSYARAH AKADEMIK SAMBILAN

1.0 TUJUAN

Tatacara ini disediakan untuk menerangkan peraturan yang perlu dipatuhi oleh semua PTJ mengenai tuntutan pensyarah sambilan.

2.0 BAYARAN SYARAHAN AKADEMIK SAMBILAN ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT- SYARAT BERIKUT:

- a) Bayaran Pensyarah Sambilan hanya layak dibayar kepada Pensyarah Sambilan yang dilantik untuk menyampaikan syarahan akademik dalam sesuatu bidang pengajian kepada pelajar.
- b) Pelantikan Pensyarah Sambilan hendaklah dilantik dari kalangan pensyarah luar yang berkeelayakan. Lantikan juga boleh dibuat dari kalangan pegawai sektor awam yang mempunyai kelulusan akademik yang diperlukan dengan syarat syarahan akademik disampaikan di luar waktu pejabat dan tidak menjejaskan tugas hakiki pegawai berkenaan.
- c) Pensyarah luar / pegawai yang dilantik sebagai Pensyarah Sambilan perlu mendapat kelulusan daripada Ketua PTJ masing-masing dan mereka juga dikehendaki mengemukakan laporan kepada Ketua PTJ berhubung dengan bayaran Syarahan Akademik Sambilan yang diterima.
- d) Wujud kekosongan jawatan pensyarah atau penyandang jawatan pensyarah berkenaan meninggalkan tugas bagi suatu tempoh yang panjang seperti cuti sabatikal, cuti bersalin, cuti haji dan cuti belajar.
- e) Jawatan pensyarah yang kosong atau penyandanginya meninggalkan tugas bagi tempoh yang berpanjangan dan tidak ditanggung kerja oleh Pensyarah Sambilan yang dilantik atau pensyarah lain.
- f) Tugas sebagai Pensyarah Sambilan adalah tugas tambahan selain daripada tugas hakiki jawatannya.

3.0 HAD BAYARAN MENGIKUT PECAHAN TAWARAN MENGAJAR

Tugasan	Kadar Bayaran
Kuliah	RM 100.00/jam
Tutorial/Amali	RM 50.00/jam
Penyediaan Kertas Soalan	RM 100.00/kursus
Pemeriksaan Kertas Jawapan Akhir	RM 2.50/pelajar

4.0 HAD BAYARAN MAKSIMUM (SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN 2/1995)

- a) Seseorang Pensyarah Sambilan yang dilantik tidak boleh membuat tuntutan melebihi **RM1,200.00 sebulan**.

5.0 ELAUN LAIN

- a) Pensyarah Sambilan yang dilantik layak menuntut Elaun Perjalanan, Elaun Makan, Elaun Penginapan sekiranya terdapat keperluan Pensyarah Sambilan menggunakan segala kemudahan tersebut jika ianya dilantik dari luar stesen.